



Ustazah Sharifah Khafis Fadzilah Mohd Badiuzzaman atau lebih dikenali sebagai Ustazah Sharifah Khafis merupakan personaliti yang mula dikenali selepas bergelar Naib Juara Akademi Al-Quran musim ke-3 di TV9 dan Juara pertandingan musababah peringkat kebangsaan. Ustazah Sharifah Khafis ialah Ketua Pegawai Eksekutif bagi Sharifahkhafis Production Sdn Bhd di samping menjadi Kaunselor dan Pensyarah Al-Quran di Jabatan Korporat Kuala Lumpur. Berkelulusan dalam Sarjana Muda Kewangan dari Universiti Tenaga Nasional, Bangi, beliau pernah mengendalikan program Akademi Al-Quran musim keempat dan Kalam Suci di Astro Oasis sebagai pengacara.

BANTERAS BUDAYA LGBT DENGAN DAKWAH SECARA TERBUKA & JUJUR

S : Hari ini wujud pelbagai isu berat yang benar-benar mencabar umat Islam antaranya isu LGBT (lesbian, gay, bisexual & transgender). Golongan ini dilihat terlalu leka sehingga nasihat-nasihat mahupun teguran yang baik langsung tidak diendahkan. Malah, ada yang sanggup mencabar hukum Allah SWT dan kian menjadidi. Bagaimana pendekatan untuk kita menegur golongan ini secara berhemah? Adakah masih relevan untuk kita menegurnya secara lembut dan sembunyi, atau sebaliknya?

J : Betapa ramai antara kita yang tidak mengambil kisah tentang hal sebegini sedangkan ia sepatutnya dipandang serius dan diambil tindakan. Sedat tidak sedar kita telah berbalik kepada zaman Nabi Luth. Allah SWT berfirman: "Dan (ingatlah kisah) Luth, ketika ia berkata kepada kaumnya: "Mengapa kamu mengerjakan perbuatan keji itu sedang kamu melihatnya). Mengapa kamu mendatangi laki-laki untuk (memenuhi) nafsu(mu), bukan mendatangi wanita? Sebenarnya kamu adalah kaum yang tidak dapat mengerti (akibat perbuatannya)." (QS an-Naml: 54-55)

LGBT adalah budaya songsang yang boleh merosakkan akidah. Di mana letaknya pemikiran kita yang perlu tegas dan mengambil tindakan ke atas golongan sebegini. Pihak berkuasa juga perlu mengambil tindakan terhadap mereka. Perundangan Islam juga ada tindakan yang perlu dilakukan buat mereka yang adakan hubungan sejenis seperti liwat dan sebagainya. Para pendakwah dan penceramah juga perlu turun bertemu masyarakat untuk memaklumkan betapa bahayanya perbuatan LGBT ini.

Masalah LGBT berpunca daripada diri kita sendiri serta faktor sekeliling. Lelaki bertukar menjadi wanita, wanita berkelakuan seperti lelaki. Kita dilahirkan sempurna akalinya, sempurna tubuhnya. Mengapa hendak menyalahgunakan ciptaan Allah SWT? Kelak, kita akan dibangkitkan semula dan disoal bagaimana kita memanfaatkan setiap nikmat yang Dia berikan.

Menentang gejala LGBT bukanlah sehingga menidakkkan hak asasi mereka sebagai manusia yang harus hidup dengan kehormatan. Hak asasi mereka terhadap pendidikan, penjagaan kesihatan dan peluang pekerjaan masih perlu dihormati dan dipelihara. Ia

termaklumlah dalam Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan iaitu setiap warganegara wajib mendapat keadilan serta tidak boleh disakiti dan ditindas. Jika mereka terus didiskriminasi di tempat kerja dan sebagainya, keadaan mereka akan menjadi lebih parah. Justeru, saya melihat isu ini dalam konteks mengajak mereka untuk berubah ke arah lebih baik bagi mengenali fitrah sebenar.

Antara langkahnya ialah:

- Mewujudkan kempen motivasi khas untuk membanteras LGBT di seluruh sekolah rendah mahupun menengah, kolej awam mahupun swasta serta segala institusi pendidikan yang bersifat akar umbi iaitu fokus kepada anak muda.
- Dakwah terang terangan dan jujur. Contohnya "Jauhi Zina", "Hidup indah, hidup berakhlak", dan "Melentur buluh biarlah daji rebungunya."
- Memberi dana khas kepada kumpulan yang menjalankan kerja pemulihan akhlak dan sahsiah dalam merawat wanita-wanita terlanjur, bekas pekerja seks, serta mangsa LGBT dan lain-lain. Agensi sebegini perlu diberi peluang untuk melebarkan kepakarannya dalam membantu golongan ini. Mereka berpengalaman dalam menangani isu ini.
- Menubuhkan skuad khas pemulih LGBT yang terdiri daripada pakar psikiatri yang bersamasama membanting tulang dengan agensi lain untuk membantu golongan LGBT berhijrah menurut perspektif psikologi.
- Peranan para asatizah dalam membantu golongan psikiatri. Usaha mereka haruslah sentiasa murni dan terbuka bagi menghilangkan stigma masyarakat terhadap golongan ini.
- Pendekatan turun padang multi-mufiti dan pendakwah berpengalaman bagi membanteras budaya LGBT.
- Disebabkan sebilangan besar kes-kes HIV dan AIDS berpunca daripada golongan LGBT maka ada baiknya jika Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memfokuskan usaha mereka ke arah membantu golongan ini terlebih dahulu. Menyantuni komuniti LGBT pula adalah sehingga keseluruhan tuntutan mereka diterima dan diberikan pengiktirafan. Kita sebagai komponen dalam masyarakat madani haruslah membantu dan sama-sama membangunkan negara dengan satu misi menjadikan Islam agama yang kuat dan selamat. InsyaAllah.

None
skt 2018. Psy 2018/AOI

"DUGAAN dalam kehidupan berkeluarga ini pelbagai, ada wanita hadapi masalah rumah tangga dalam awal usia perkahwinan mereka, tidak kurang juga apabila perkahwinan mereka berada pada tahap penghujungnya. Rasanya tahap penghujung usia dugaannya lebih hebat seperti yang saya alami. Diceritakan ketika usia menghampiri usia persaraan.

Mungkin ada yang menganggap diceritakan ketika usia senja tidak seteruk gelombang rumah tangga yang dilalui oleh wanita yang masih muda. Mereka diceritakan ketika anak-anak masih kecil yang perlu mereka tanggung, sementara suami tidak beri nafkah. Walhal perceraian di hujung usia, hanya melibatkan emosi diri sendiri memandangkan anak-anak sudah dewasa dan mempunyai haluan hidup masing-masing.

"Tidak dinafikan saya tidak berhadapan masalah menanggung anak-anak kerana mereka sudah pun memulakan alam pekerjaan. Namun masalahnya tetap parah.

"Saya berkahwin dengan Azlan lebih 30 tahun lalu. Kini usia kami sudah masuk angka lima siri, dah tua. Sepanjang perkahwinan hidup kami tidak banyak dugaan, yang kecil-kecil semua boleh kami atasi, anak tak bawa masalah, jadi hati saya tidak pernah dilanda kerusangan, segalanya tersedia, walaupun saya juga berbelanja untuk keluarga. Namun itu semua bukan masalah, asalkan Azlan tidak buat masalah dan setia kepada saya.

**DUGAAN
DI USIA EMAS..
DITINGGALKAN
DEMI PUCUK
MUDA**

"Satu kebaikan Azlan, dia tidak lupa tanggungjawab memberi makan minum pada anak-anak, tetapi syaratnya saya mesti serahkan pendapatan saya padanya. Kedua tak boleh ada ramai anak. Kata Azlan kita nak cari anak yang berkualiti bukan kuantiti. Kalau anak ramai bawa masalah buat apa? Saya mengikut saja. Untuk itu saya berkorban demi kebahagiaan Azlan. Sebab itu anak kami cuma dua orang.

"Itulah perjalanan hidup saya sepanjang 25 tahun berkahwin. Kerana terlalu beringat, berjimat cermat kami dapat beli rumah yang luas dan selesa, dan sebuah kondo. Kata Azlan bila tua nanti kami akan duduk di condo untuk kami berdua saja, rumah untuk anak-anak supaya mereka boleh bina kehidupan baru bersama keluarga mereka nanti. Kalau mereka tak mahu kami jual.

"Pendek kata Azlan telah atur kehidupan kami cukup baik dan sempurna itu yang saya yakin dan percaya kepadanya. Tetapi siapa boleh menduga, kita manusia hanya merancang. Allah SWT yang menentukan. Ketika usia bertambah lanjut dan ketika kegembiraan berada di puncaknya kerana anak sudah bekerja dan masuk IPTA tutup saya dapat berita Azlan ada kekasih.

"Rupanya Azlan sudah lama bercita-cita dan merancang untuk kahwin lagi, hanya saya yang tidak tahu. Kerana saya percayakan dia sepenuh hati tanpa sebarang syak atau rasa sangsi.

"Pada awalnya, saya tak percaya berita Azlan nak kahwin lagi. Kawan yang beritahu mulanya takut-takut nak cerita pada saya. Katanya sudah lama mereka tahu, tetapi mereka tidak sampai hati nak beritahu saya, sebab saya terlalu percayakan Azlan.

PERKAHWINAN KEDUA

"Bila saya tanya Azlan tentang kebenaran berita yang saya dengar dengan selamba Azlan berkata, "kalau saya kahwin pun apa salahnya? Sebab saya mampu zahir dan batin. Saya sudah sediakan segalanya untuk kehidupan awak. Awak cuma izinkan saya kahwin lagi!" Terkejut saya dengar pengakuannya. Saya tak terfikir dia menjawab dengan selamba.

"Ketika itu hanya air mata yang keluar, saya kehilangan suara. Lemah tubuh badan, langsung tidak ada kekuatan. Saya terduduk. Kerana saya langsung tak percaya Azlan boleh menganiaya saya seperti ini. Kerana saya menangis dan tidak bersuara, Azlan terus beritahu dia akan kahwin sama ada saya izinkan atau tidak! Katanya lagi sudah sampai masanya dia mahu bahagiakan hidupnya, kerana selama ini dia berkorban untuk membahagiakan saya. Lantas dia tinggalkan saya sendirian dalam tangisan.

"Malam itu Azlan tak balik rumah. Kalau dulu dia tak balik saya tak kisah, tetapi kali ini saya syak dia mesti bersama kekasihnya. Saya tak tahu apa harus saya lakukan, saya bingung. Tanya anak-anak mereka, bersimpati tetapi tidak tahu apa perlu dilakukan. Yang si abang terdiam, yang si adik termenung. Saya tak tahu pada siapa saya nak mengadu.

"Kini baru saya sedar dan ingat kembali nasihat emak, kata emak, "sayangkan suami ada batasnya, sebab hubungan isteri dengan suami ada tali, bila-bila masa suami boleh potong tali. Boleh buat kita jatuh terhempas atau terbelah." Kini baru saya faham apa makna kata-kata emak, tetapi semuanya sudah terlambat.

"Bila saya lihat keliling baru saya sedar saya tidak ada simpanan, sebab selama ini semua pendapatan saya serahkan kepada Azlan untuk uruskan keluarga. Kini baru saya tahu, harta yang saya ada cuma sebuah kondo yang masih terhutang, atas nama saya.

"Bila termenung sedarlah saya bahawa saya tidak memiliki apa-apa. Kebahagiaan berumah tangga yang saya harapkan cuma sementara. Azlan telah atur strategi bahagiakan dirinya sendiri. Selain "dutinya banyak, hartanya juga terkumpul. Yang rugi saya kerana selama ini jadi Pak Turut.

Saya benar-benar kecewa kerana tidak ada simpanan hari tua kecuali KWSP. Namun saya reda. Saya serahkan kepada Allah jika ini suratan takdir saya. Namun saya kesal kerana bodohkan diri sendiri.

"Rupanya saya tertipu di sebalik kebijaksanaan tipu helah manusia yang pandai merancang untuk masa depannya yang lebih," luahan hati Farhana untuk menghilangkan kesedihan di jiwa di samping mencari ketenangan jiwa. Sedihihnya masih ada wanita terpelajar yang tertipu kerana percayakan cinta.

Psy chology - counselling
Pg. 174-175.

2000 275700
ctr.No: 000029/95